

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1995/96

Mac/April 1996

HSM 311 Pergerakan Protes di Tanah Melayu,
Sarawak dan Sabah Abad Ke-19 dan
Awal Ke-20

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN (8) SOALAN DI
DALAM DUA (2) HALAMAN.

Jawab EMPAT (4) soalan, termasuk sekurang-kurang SATU (1) soalan daripada
Bahagian B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A

1. Setujukah anda jika dikatakan Sejarah Melayu, di samping membawa tema "pantang Melayu menderhaka kepada Raja", juga menyogokkan konsep "Raja Adil Raja di sembah, Raja zalim raja disanggah".
2. Menurut Guy Fourquin, masalah ketidakadilan, kemiskinan, kebuluran, penindasan dan penghinaan merupakan punca mengapa manusia memberontak atau memprotes. Dengan merujuk kepada kes pembunuhan Sultan Mahmud II di Johor pada tahun 1699, sejauh manakah pembunuhan itu boleh dianggap sebagai berwajaran.
3. Se jauh manakah pemberontakan Trengganu 1928 memperlihatkan bibit-bibit nasionalisme?

.../2

4. Dengan merujuk kepada lagenda Panglima Nayan di Kedah pada 1920an, bincangkan mengapa muncul penyamun (bandit) sosial dan sejauh manakah berkesannya kegiatan penyamun sosial ini sebagai protes petani.
5. Sejauh manakah kongsi gelap Melayu di Pulau Pinang pada pertengahan abad ke 19 boleh dianggap sebagai pertubuhan politik bagi orang Melayu.

BAHAGIAN B

6. Sejauh manakah anda bersependapat dengan Tuan Muda Charles Johnson bahawa terdapatnya satu komplot oleh orang-orang Melayu di Sarawak dan Brunei pada 1850an yang bertujuan menggulingkan kerajaan Brooke.
7. Huraikan isu-isu yang mengakibatkan Asun melancarkan tentangan terhadap kerajaan Rajah Vyner pada 1930an. Wajarkah label "pemberontak" dikenakan kepada Asun?
8. Bandingkan tafsiran St. John (1862), Lockard (1978), Chang (1986), dan Saunders (1991) tentang "Pemberontakan China 1857" di Sarawak.

--ooo000ooo--